

15/16/2023. (23)



**DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN PRESIDEN PERBADANAN
PUTRAJAYA KE-6**

PUTRAJAYA, 6 Oktober 2020 – Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Muhammad Azmi Bin Mohd Zain lapor diri hari ini di Perbadanan Putrajaya.

Datuk Muhammad Azmi Bin Mohd Zain telah dilantik sebagai Presiden PPj yang ke-6 menggantikan YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim yang telah tamat kontrak pada 30 September 2020. Sebelum dilantik sebagai Presiden PPj, Datuk Muhammad Azmi Bin Mohd Zain memegang jawatan Setiausaha Bahagian, Bahagian Sosio-Ekonomi di Kementerian Wilayah Persekutuan.

Datuk Muhammad Azmi Bin Mohd Zain disambut oleh Naib-naib Presiden dan Pengarah Perbadanan Putrajaya. Majlis turut menyaksikan sesi imbasan cap jari di Pejabat Presiden, Aras 9 Kompleks Perbadanan Putrajaya. Acara disusuli dengan taklimat oleh pengurusan tertinggi Perbadanan Putrajaya.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut sila hubungi Pegawai Media PPj, En. Mohd Fairus Mohd Padzil di talian 019-335 4346 atau 03-8887 7347.



(TENGKU AINA BINTI YTM TENGKU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 05 Oktober 2020